

MAHATHIR -GAJI 1984 .

KUALA LUMPUR, 7 NOV. (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDIA MENGAJAI PERMOHONAN KENAIKAN GAJI UNTUK KAKITANGAN SEKTOR AWAM, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN HARI INI.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA KENAIKAN GAJI ITU BOLEH DILAKSANAKAN CUMA JIKA RAKYAT SAMA-SAMA SANGGUP BERKORBAN DAN TIDAK MENDESAK UNTUK PERTAMBAHAN DALAM LAIN-LAIN KEMUDAHAN UMPAMANYA DALAM BIDANG PEMBANGUNAN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK ADA HALANGAN MELAYANI TUNTUTAN KENAIKAN GAJI JIKA RAKYAT BERSEDIA MENERIMA KEKURANGAN DALAM PERBELANJAAN LAIN.

+ ITU TERPULANG KEPADA RAKYATLAH. JIKA RAKYAT HENDAK PEH BELANJAAN LAIN DIKURANGKAN SUPAYA GAJI KAKITANGAN KERAJAAN DAPAT DITAMBAHKAN, KITA SANGGUP BERBUAT DEMIKIAN.

+ SEKARANGPUN KERAJAAN TELAH MENGURANGKAN PERBELANJAAN UNTUK PEMBANGUNAN, TETAPI JIKA RAKYAT BERPENDAPAT KITAPATUT MENGURANGKAN LAGI, KERAJAAN TERPAKSA TERIMA PENDAPAT RAKYAT, + KATANYA KEPADA BERNAMA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN SIDANG KABINET DIPEJABATNYA. -

BELIAU MENGULAS KENYATAAN CUEPACS SEMALAM YANG MENYATAKAN AKAN MENGHANTAR SATU MEMORANDA KEPADA KERAJAAN AKHIR BULAN INS UNTUK MEMOHON PERUBAHAN GAJI BAGI KAKITANGAN KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN DALAM MELAYANI TUNTUTAN KENAIKAN GAJI, KERAJAAN PERLU MENDAPAT PANDANGAN RAKYAT.

DALAM MELAKSANAKAN PENYEMAKAN GAJI JUGA, KERAJAAN PERLU MEMPERHITUNGAN PERBELANJAAN YANG PERLU DIKENAKAN DARI TABUNG KEWANGAN KERAJAAN.

+ KITATIDAKBOLEHBUAT SEMUA DENGAN PERUNTUKAN DUIT YANG SEKIAN BANYAK. JIKA BELANJA BAYAR GAJI LEBIH, YANG LAIN MESTI DIKURANGKAN, + TAMBAHNYA.

MEMORANDUM YANG AKAN DIHANTAR ITU ANTARA LAIN MENGANDUNGI SYOR MENAIKKAN ELAUN PERKHIDMATAN AWAM, PERKARA-PERKARA BERKAITAN DENGAN PERUMAHAN DAN SOALPENGECUALIAN CUKAIBAGI ELAUN YANG DIBAYAR KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU PERLU MENGAJAI MEMORANDA ITU SEBELUM MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN MENGENAI TUNTUTAN-TUNTUTAN ITU.

BELIAU JUGAMEMBERI JAMINAN AKAN MENDENGAR PENDAPA; CUEPACS DAN JUGASEMUA RAKYAT DALAM MEMPERBAIKILAGI CARA-CARA PENTABIRAN KERAJAAN.

INI BERIKUTAN SERUAN CUEPACS AGAR KERAJAAN MENGAJAI SEMULA PENTADBIRAN PERKHIDMATAN AWAM YANG DIKATAKAN +TELAH LAPUK+ DAN BERDASARKAN PENJAJAHAN. ---BERNAMA

1713MST 07 1184